

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan rancangan untuk memperbaiki dan menaiktaraf perkakasan dan peralatan di Balai Polis Kepong dan Balai Polis Jinjang dan kuarters di sana. Bilangan anggota di kedua-dua balai tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi memperbaiki dan menaiktaraf perkakasan dan peralatan di Balai Polis Kepong dan Balai Polis Jinjang, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah memohon dan sedang menunggu kelulusan bagi peruntukan berjumlah RM1,957,433.00 bagi setiap satu balai tersebut yang merangkumi pembaikan balai berjumlah RM124,430.00, *head to toe* berjumlah RM1,063,923.00, keperluan perabot berjumlah RM89,080.00, pembaikan perabot berjumlah RM80,000.00, yuran perkhidmatan berjumlah RM100,000.00 dan kelengkapan ICT berjumlah RM500,000.00.

Beberapa kerja membaik pulih dan menaik taraf kuarters kediaman Balai Polis Kepong dan Balai Polis Jinjang juga telah dikenalpasti iaitu:

- i. Kuarters Balai Polis Kepong:
 - a. Membaiki kerosakan di 104 unit kediaman;
 - b. Menggantikan tangki air bersih;

- c. Mengecat semula 14 bangunan kuarters kediamana;
 - d. Mengganti enam (6) unit pam air bersih yang telah uzur;
 - e. Mengganti saluran paip air buangan; dan
 - f. Membaikpulihan kerosakan di Tabika Kemas;
- ii. Kuarters Balai Polis Jinjang;
- a. Membaiki kerosakan di 21 unit kediaman; dan
 - b. Mengecat semula tiga (3) blok bangunan kuarters kediaman.

Pada masa ini, jumlah keseluruhan keanggotaan di Balai Polis Kepong adalah seramai 103 orang yang terdiri daripada satu (1) Pegawai Kanan Polis, 100 Pegawai Rendah Polis dan dua (2) Kakitangan Awam. Terdapat tujuh (7) kekosongan yang tidak diisi perjawatannya di balai tersebut.

Manakala jumlah keanggotaan di Balai Polis Jinjang pula adalah seramai 199 orang yang terdiri daripada satu (1) Pegawai Kanan Polis, 193 Pegawai Rendah Polis dan lima (5) Kakitangan Awam. Terdapat 19 kekosongan yang tidak diisi perjawatan.